

04 OCT 1998

Ghafar-Zahid

TINDAKAN ZAHID SATU LANGKAH BIJAK, KATA GHAFAR

KOTA BAHARU, 4 Okt (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba menyifatkan peletakan jawatan Datuk Ahmad Zahid Hamidi sebagai Ketua Pergerakan Pemuda Umno dua hari lepas sebagai satu langkah yang bijak.

Katanya, dalam politik setiap individu jangan menunggu dia dipecat tetapi sebaliknya mengambil keputusan mengundurkan diri setelah kepercayaan daripada anggota bawahan telah hilang.

"Peletakan Zahid adalah satu langkah bijak dalam politik...itu hukum politik namanya dan tak payah tunggu keputusan majoriti lagi," katanya kepada pemberita selepas berucap pada Wacana Negara Kita Tanggungjawab Kita di Persiaran KADA di sini, malam tadi.

Beliau juga bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa timbalannya nanti tidak perlu seorang yang terlalu warak.

Ghafar berkata apa yang dimaksudkan oleh Dr Mahathir itu "bukanlah warak secara menunjuk-nunjuk".

"Warak itu satu perkara yang mesti dalam Islam dan warak yang disebut oleh Perdana Menteri itu bukanlah mereka yang menonjol-nonjol menunjukkan warak...itu yang dikatakan tidak payah warak sangat," katanya.

Ghafar, yang juga Pengerusi Kelab Veteran Umno, berkata beliau sanggup menemui sesiapa sahaja untuk memberikan penjelasan berhubung masalah ekonomi dan politik yang melanda negara ketika ini.

Katanya, beliau akan menjelaskan secara terperinci mengenai kedudukan sebenar perkara itu.

Beliau juga meminta semua masyarakat di negara ini supaya melupakan soal pemecatan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan kembali bersatu padu.

Katanya, dengan kembali bersatu padu, negara akan aman dan mempercepatkan pemulihan ekonomi.

-- BERNAMA

ZI AKD